

10/10/1997

Dr M dapat sokongan padu MT

KUALA LUMPUR, Khamis - Majlis Tertinggi (MT) Umno sebulat suara memberi sokongan padu kepada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk terus memimpin parti dan kerajaan.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika menyatakan sokongan itu bagi pihak MT, berkata Umno yakin dengan kepemimpinan Dr Mahathir dalam meninggikan martabat negara.

"Umno yakin Perdana Menteri dapat menyelesaikan sebarang bentuk masalah, terutama yang membabitkan kewangan dan ekonomi negara," katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat MT di sini malam ini. Dr Mahathir mempengerusikan mesyuarat itu.

Dr Mahathir dikecam oleh media asing yang mahukan beliau meletakkan jawatan Perdana Menteri berikutan dakwaan kononnya gagal menguruskan ekonomi negara sehingga menyebabkan Malaysia mengalami krisis nilai mata wang.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menegaskan beliau tidak akan melepaskan jawatan itu di samping tidak akan tunduk kepada sebarang tekanan yang mahukannya berbuat sedemikian.

Komponen Barisan Nasional dan badan korporat sudah menyatakan pendirian tidak berbelah bagi kepada kepemimpinan Dr Mahathir.

Anwar yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, MT juga mengancam segala percubaan sama ada daripada media asing atau pihak lain yang cuba menggugat kewibawaan dan kepemimpinan Dr Mahathir.

"Dengan ini, Umno berharap tiada pihak yang akan melayani apa juga percubaan yang ingin mengalih pandangan kita dan keutamaan dalam menangani masalah ekonomi," katanya.

Menurutnya, MT yakin masalah itu dapat ditangani sebaik mungkin melalui keyakinan, perpaduan dan perhubungan utuh yang wujud dalam parti serta kerajaan.

Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada MT atas sokongan mereka.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, MT juga mengambil keputusan untuk meluluskan permohonan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Zainal Rampak untuk menyertai Umno.

"Dia ini dulu daripada DAP dan Parti Melayu Semangat 46 (S46) dan sekarang memohon masuk Umno. Biasanya, orang yang masuk parti lain dan memohon masuk Umno, permohonannya mesti diluluskan oleh MT.

"Oleh itu, MT mengambil keputusan untuk meluluskan permohonan Zainal," katanya.

Zainal menyerahkan permohonan untuk menyertai Umno kepada Anwar selepas pertemuan Timbalan Perdana Menteri itu dengan wakil MTUC dan Cuepacs, pada 20 September lalu.

(END)